

**PENYERTAAN KOMUNITI DALAM  
PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI ACEH,  
INDONESIA: SATU KAJIAN KES**

**TEUKU YUSFADH HIJRIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2016**

**PENYERTAAN KOMUNITI DALAM  
PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI ACEH,  
INDONESIA: SATU KAJIAN KES**

**oleh**

**TEUKU YUSFADH HIJRIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2016**

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah SWT atas selesainya penyusunan tesis ini. Dengan limpahan rahmat dan karunia-Nya saya dapat menyelesaikan penyelidikan dan studi ini dengan lancar dan tiada halangan apapun. Shalawat dan salam tak lupa saya sampaikan kepada nabi Muhammad Rasulullah yang senantiasa menjadi Tauladan.

Ucapan terimakasih yang besar saya sampaikan kepada Prof. Madya Dr. Nor Malina Malek, Penyelia Utama Saya, yang telah membimbing saya dengan sabar dalam penyelesaian tesis ini. Saya merasa bangga pernah dibimbing oleh seorang pensyarah yang sabar seperti beliau. Selain itu saya juga minta maaf atas kesalahan dan kesilapan yang saya lakukan sama ada sengaja mahupun tidak. Semoga Allah SWT sentiasa membalasnya dengan kebaikan yang melimpah.

Terimakasih banyak saya ucapkan kepada Dr. Khoo Suet Leng, Penyelia Bersama saya, yang telah bersedia meluangkan waktu untuk menelaah tesis saya dengan sangat lengkap.

Demikian pula kepada Dekan daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (*School of Social Sciences*) dan semua staf yang telah membantu selesainya studi saya di Universiti Sains Malaysia ini. Semoga semua kebaikan dan bantuan yang diberikan akan dibalas Allah SWT dengan balasan yang setimpal.

Teman-teman seperjuangan; Pak Muliadi Imami, Elviandi Rusdi, Alamsyah Alwi, Bang Hadiyan Wijaya, Bang Gudria, Bang Rahmat Oriza, Pak Mulia, Jefriza, teman-teman beasiswa Pemerintah Aceh, teman-teman PPI (Persatuan Pelajar Indonesia) dan teman-teman ASC (*Aceh Student Center*). Terima kasih atas

sokongannya, perjumpaan dan interaksi yang telah kita lakukan merupakan ikatan silaturrahi yang akan saya jaga selamanya.

Ucapan terimakasih banyak dan rasa bangga yang luar biasa saya sampaikan kepada Ayah dan Bunda saya yang mulia M. Hardi dan Yusmaini yang telah menyokong secara penuh penyelesaian studi saya yang tak akan mampu saya hitung apalagi untuk membalasnya. Hanya untaian do'a agar Ayah dan Bunda sentiasa dirahmati serta dilindungi Allah di dunia dan di akhirat kelak.

Terimakasih juga untuk Cut Dini Haryuni, kakak tersayang yang selalu membantu dan memberi semangat; Cut Hashfi Fadhillah, adik perempuan satu-satunya yang selalu mendoakan walaupun jauh; Teuku Shadli Al-Pawori, Teuku Sultan Puri dan Teuku Fathan Riayatsyah, adik-adik yang selalu memberi inspirasi. Secara khusus juga ucapan terimakasih kepada isteri tercinta Cut Putri Shintya yang selalu bersabar sepanjang saya menyelesaikan studi ini, dan teruntuk anak Ayah tersayang Teuku Muhammad Al-Elhaj yang sering Ayah tinggal di masa-masa akhir studi, semoga menjadi anak yang taat kepada Allah ya Nak. Semoga Allah selalu memberikan kebahagiaan kepada kalian semua dunia dan akhirat.

*Pulau Pinang, 2016*

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>ABSTRAK</b>	xiii
<b>ABSTRACT</b>	xv
<b>BAB 1 - PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Soalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Organisasi Tesis	11
1.8 Kerangka Kajian	12
<b>BAB 2 - SOROTAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Tafsiran Pembangunan	14
2.3 Pembangunan Pelancongan	16
2.4 Pembangunan Pelancongan Lestari	19
2.5 Penyertaan komuniti dalam Pembangunan Pelancongan	22
2.6 Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan Pelancongan	27
2.6.1 Peranan Budaya Dalam Pembangunan	33
2.7 Kesan Pembangunan Pelancongan	34
2.7.1 Kesan Terhadap Sosio Ekonomi	34
2.7.2 Kesan Terhadap Sosio Budaya	38
2.7.3 Kesan Terhadap Alam Sekitar	40

2.8	Potensi Penyertaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan	41
2.9	Kerangka Konseptual	43
2.10	Kajian Lepas Tentang Pembangunan Pelancongan di Aceh	45
2.11	Rumusan	47

### **BAB 3 - LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN**

3.1	Pengenalan	49
3.2	Latar Belakang Wilayah Aceh	49
3.2.1	Profil Geografi	50
3.2.2	Gambaran Umum Penduduk Aceh	52
3.2.3	Iklim	53
3.2.4	Flora dan Fauna	54
3.2.5	Agama dan Sosial	55
3.2.6	Kebudayaan	56
3.2.7	Pentadbiran Kerajaan	57
3.3	Lokasi Kawasan Kajian	59
3.3.1	Aceh Besar	59
3.3.2	Banda Aceh	63
3.4	Sosiobudaya Masyarakat Aceh	67
3.4.1	Agama dalam Sejarah Aceh	68
3.4.2	Budaya dan Hukum Masyarakat Aceh	70
3.4.3	Agama dan Budaya di Aceh	73
3.4.4	Agama dalam Perilaku Masyarakat Aceh	75
3.4.5	Institusi Sosial di Aceh	77
3.5	Pembangunan Pelancongan di Aceh	80
3.6	Rumusan	80

### **BAB 4 - KAEDAH PENYELIDIKAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Pendekatan Penyelidikan	82
4.3	Pendekatan Kajian Kes	84
4.4	Kaedah Pengumpulan Data	88
4.4.1	Pengumpulan Data Kualitatif	91
4.4.1(a)	Responden Kajian	91

4.4.1(b) Prosedur	93
4.4.2 Pengumpulan Data Kuantitatif	93
4.4.2(a) Responden Kajian	93
4.4.2(b) Prosedur	94
4.5 Definisi Operasional	95
4.6 Analisis Data: Analisis Kandungan	96
4.7 Rumusan	99

## **BAB 5 – ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	100
5.2 Maklumat Sosiodemografi Responden Temubual	100
5.3 Maklumat Sosiodemografi Responden Soal Selidik	101
5.4 Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan Pelancongan	105
5.4.1 Persepsi dari Aspek Sosioekonomi	106
5.4.2 Persepsi dari Aspek Sosiobudaya	115
5.4.3 Persepsi dari Aspek Alam Sekitar	120
5.5 Kesan Pembangunan Pelancongan	125
5.5.1 Kesan terhadap Sosioekonomi	126
5.5.2 Kesan terhadap Sosiobudaya	138
5.5.3 Kesan terhadap Alam Sekitar	147
5.6 Potensi Penyertaan Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan	154
5.7 Rumusan	157

## **BAB 6 – PERSEPSI, PENYERTAAN KOMUNITI DAN KESAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI ACEH**

6.1 Pengenalan	160
6.2 Persepsi Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan	160
6.2.1 Persepsi Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan dari Aspek Sosioekonomi	160
6.2.2 Persepsi Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan dari Aspek Sosiobudaya	161
6.2.3 Persepsi Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan dari Aspek Alam Sekitar	166

6.3	Kesan Pembangunan Pelancongan	167
6.3.1	Kesan terhadap Sosioekonomi	167
6.3.2	Kesan terhadap Sosiobudaya	175
6.3.3	Kesan terhadap Alam Sekitar	181
6.4	Potensi Penyertaan Komuniti dalam Pembangunan Pelancongan	184
6.5	Rumusan	187
<b>BAB 7 – KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>		
7.1	Rumusan Dapatan Kajian	188
7.2	Implikasi Konsep dan Teori	189
7.3	Implikasi Dasar Kajian	193
7.4	Limitasi Kajian	195
7.5	Cadangan Penyelidikan Lanjut	196
	<b>RUJUKAN</b>	197
	<b>LAMPIRAN</b>	209



## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Keperluan Perancangan Pelancongan	17
Jadual 2.2 Pendekatan Perancangan Pelancongan	18
Jadual 2.3 Prinsip-prinsip pelancongan lestari oleh Jamieson & Noble (2000)	21
Jadual 2.4 Kesan Positif dan Negatif Pembangunan Pelancongan terhadap Aspek Sosioekonomi	37
Jadual 2.5 Kesan Pelancongan terhadap Sosial Budaya	39
Jadual 2.6 Kesan Positif dan Negatif Pembangunan Pelancongan terhadap Aspek Sosiobudaya	40
Jadual 2.7 Kesan Pelancongan terhadap Alam Sekitar	41
Jadual 2.8 Kesan Positif dan Negatif Pembangunan Pelancongan terhadap Aspek Alam Sekitar	41
Jadual 3.1 Jumlah Penduduk Provinsi Aceh	53
Jadual 3.2 Jawatan Pelancongan pada Tiap Peringkat Kerajaan di Aceh	57
Jadual 3.3 Nama Kabupaten/Kota di Provinsi Aceh	58
Jadual 3.4 Batas Kotamadya Banda Aceh	63
Jadual 4.1 Responden Temu Bual Mendalam	92
Jadual 4.2 Responden Soal Selidik	94
Jadual 4.3 Analisis data kesan pembangunan pelancongan terhadap peluang pekerjaan di kawasan pelancongan Pantai Lampuuk	98
Jadual 5.1 Senarai Responden Temubual	101
Jadual 5.2 Responden Soal Selidik Berdasarkan Umur	102
Jadual 5.3 Responden Soal Selidik Berdasarkan Jantina	103
Jadual 5.4 Responden Soal Selidik Berdasarkan Pekerjaan	103
Jadual 5.5 Responden Soal Selidik Berdasarkan Pendidikan	104

Jadual 5.6	Data Sosiodemografi Responden Soal Selidik	105
Jadual 5.7	Hasil Jawapan Skala Likert Persepsi Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan	106
Jadual 5.8	Ringkasan Kesan Pembangunan Pelancongan di Kawasan Kajian	125

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>	
Rajah 1.1	Angka kemiskinan yang terus meningkat di Provinsi Aceh	2
Rajah 1.2	PDB per kapita dan tingkat kemiskinan di kabupaten penghasil minyak/gas, tahun 2004	4
Rajah 1.3	Kerangka Kajian	13
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	43
Rajah 3.1	Peta Indonesia	49
Rajah 3.2	Peta Wilayah Aceh	50
Rajah 4.1	Rancangan Rekabentuk Kajian	84

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 5.1 Keadaan Sebahagian Pantai Ulee Lheue Sebelum dan Sesudah Tsunami 2004	128
Gambar 5.2 Peniaga di Pantai Ulee Lheue	132
Gambar 5.3 Sampah Berselerak di Bahagian Belakang Kedai-Kedai Pantai Lampuuk	148
Gambar 5.4 Sampah di Tepi Jalan Masuk Kawasan Pantai Lampuuk	150
Gambar 5.5 Pekerja Kedai Makan Membuang Sisa Makanan Ke Laut	149
Gambar 5.6 Petugas Membersihkan Sampah di Pantai Ulee Lheue	151
Gambar 5.7 Tanggul Pembatas Air Laut di Pantai Ulee Lheue	153

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
<b>LAMPIRAN 1</b> Borang Temu Bual Mendalam	209
<b>LAMPIRAN 2</b> Borang Soal Selidik Ringkas	236

**PENYERTAAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN  
DI ACEH, INDONESIA: SATU KAJIAN KES**

**ABSTRAK**

Terdapat banyak kawasan pelancongan di Aceh yang telah ditutup oleh komuniti tempatan akibat tidak bersetuju kawasan berkenaan dijadikan destinasi pelancongan. Mereka beranggapan bahawa ianya menyebabkan impak yang negatif terhadap sosio budaya dan agama komuniti tempatan. Namun di sebaliknya, industri pelancongan dilihat berpotensi untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi masyarakat Aceh selain sektor pertanian. Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif. Pertama, untuk menganalisis persepsi komuniti terhadap sektor pelancongan di wilayah Aceh. Kedua, untuk mengenal pasti kesan industri pelancongan terhadap aspek sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar di kawasan kajian. Ketiga, untuk mengenal pasti potensi penyertaan komuniti dalam membangunkan sektor pelancongan di kawasan kajian. Penyelidikan ini dijalankan di dua kawasan kajian iaitu Pantai Lampuuk, Kabupaten Aceh Besar dan Pantai Ulee Lheue, Kota Banda Aceh. Pendekatan penyelidikan campuran (*mixed method*) digunakan. Kaedah kutipan data kualitatif adalah melalui temu bual mendalam dan pemerhatian langsung. Manakala soal selidik ringkas digunakan dalam kaedah kuantitatif bagi mengumpul maklumat asas responden sebagai pelengkap kepada data kualitatif. Responden kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data kualitatif yang dikutip dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dan analisis statistik deskriptif dilakukan terhadap data kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi majoriti responden adalah positif terhadap pembangunan pelancongan dan ini sangat dipengaruhi oleh manfaat yang diperolehi dari kawasan pelancongan serta penyertaan komuniti tempatan dalam pembangunan

pelancongan. Selanjutnya, pembangunan pelancongan lebih banyak memberi kesan positif terhadap dimensi sosio ekonomi, dan tidak ada kesan negatif yang signifikan terhadap dimensi sosio budaya kerana adanya pengawasan yang dilakukan oleh komuniti tempatan dan pihak kerajaan. Dimensi alam sekitar juga tidak menunjukkan kesan yang negatif. Hal ini dipengaruhi oleh tahap penyertaan komuniti dalam pembangunan pelancongan. Hasil kajian juga memperlihatkan bahawa komuniti tempatan memiliki potensi yang besar untuk dilibatsamakan dalam pembangunan pelancongan. Secara teoretikal, penyelidikan ini mengukuhkan lagi teori yang telah dibina oleh para penyelidik terdahulu mengenai pembangunan pelancongan lestari. Secara praktisnya, penyelidikan ini turut menyarankan agar penyertaan komuniti dijadikan aspek penting dalam pembangunan pelancongan supaya dapat memberikan manfaat maksimum kepada komuniti berkaitan. Hal ini juga penting untuk memastikan kelestarian pembangunan pelancongan di kawasan berkenaan.

# **COMMUNITY PARTICIPATION IN TOURISM DEVELOPMENT IN ACEH, INDONESIA: A CASE STUDY**

## **ABSTRACT**

In Aceh, many tourist areas have been closed by the local community as a result of disagreement for these places to become tourist destinations as a result of potential implications that are not compatible with the socio-cultural and religious values of the local community. On the other hand, the tourism industry has the potential to improve the socio-economic development of the people of Aceh besides being solely dependent on agriculture. This study has three objectives. First, this study aims to understand the local people's perception of the tourism sector in the province of Aceh. Second, it aims to identify the impact of tourism on the socio-economic, socio-cultural and environment aspects of the study area. The third objective of this study is to identify the potential for community participation in developing tourism in the study area. The study was conducted in two areas, namely, Lampuuk Beach Aceh Besar and Beach Lheue Banda Aceh. This research used mixed method approaches where qualitative data collection techniques and analysis are supported with quantitative data collection and analysis. The qualitative data collection methods used were in-depth interviews, direct observation and a short questionnaire for quantitative data collection. Selection of study participants was done through purposive sampling techniques. A short questionnaire survey was conducted to collect basic information on the study participants as a way to complement the interviews and direct observation. Respondents for this short questionnaire survey were different from participants for the in depth interviews. Qualitative data were collected and analyzed through content analysis and quantitative data were analyzed through descriptive statistical analysis. The results



showed that majority of the public's perception towards tourism is positive and their perceptions are strongly influenced by the benefits provided by tourist areas to the public and also the participation of local communities in tourism development. Furthermore, the development of tourism has more positive impacts on the socio-economic dimension. There is no significant negative impact on the socio-cultural dimension as there is monitoring by local communities and the government, while the environmental dimension also does not have negative effects. This outcome is influenced by the level of community participation in tourism development. This study also found that there is potential for community participation by the local community to be involved in the development of tourism. In terms of theoretical implications, this study provides evidence to support the theories suggested by previous researchers. In practice, this study would like to highlight to the government the need to incorporate public participation as an important aspect in the development of tourism. By doing so, it will provide maximum benefits to local communities. It is also important to ensure sustainable development of tourism in the area.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pelancongan sekarang ini merupakan satu perniagaan yang besar dan juga telah menjadi bahagian penting dalam kehidupan dan gaya hidup masyarakat di setiap negara. Sesungguhnya pelancongan telah bermula sejak bermulanya peradaban manusia itu sendiri, yang ditandai oleh adanya pergerakan manusia yang melakukan ziarah atau perjalanan agama lainnya. Sedangkan sebagai kegiatan ekonomi, pelancongan baru berkembang pada awal abad ke-10, dan sebagai industri antarabangsa pelancongan bermula tahun 1860 (Crick, 1989).

Di Aceh, pelancongan sebenarnya telah berlangsung dengan baik yang didukung dengan banyaknya potensi kawasan pelancongan serta tempat bersejarah. Tetapi sejak terjadinya konflik antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan Kerajaan Indonesia, industri pelancongan menjadi terhenti. Pernah di suatu waktu, pelancong dari luar negara dilarang datang ke Aceh kerana bahaya konflik yang sedang terjadi.


Konflik tersebut dan tragedi tsunami telah mengubah Aceh buat selamanya. Konflik ini menyaksikan kejatuhan Aceh daripada sebuah negeri yang kaya dengan gas dan sumber asli lain pada tahun 1970-an kepada sebuah provinsi keempat termiskin di Indonesia, sementara tsunami membuat kedudukan Aceh semakin rendah iaitu berada pada peringkat kedua termiskin di Indonesia (Bank Dunia, 2006).

Selepas bencana tsunami, keadaan politik di Aceh berubah secara dramatik dengan berakhirnya konflik di antara GAM dengan Kerajaan Indonesia. Konflik

tersebut berakhir dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman di Helsinki di antara GAM dengan Kerajaan Indonesia pada 15 Ogos 2005.

Walaupun Aceh adalah provinsi yang kaya dengan sumber asli, namun pertumbuhan ekonomi Aceh secara sistematik berkembang lebih perlahan berbanding dengan provinsi lain di Indonesia. Krisis kewangan yang melanda dunia pada tahun 1997 menyebabkan kadar kemiskinan meningkat di seluruh provinsi di Indonesia. Walaupun kadar kemiskinan kembali menurun ke paras sebelum terjadinya krisis (Rajah 1.1) pada tahun 2002, namun Aceh merupakan satu-satunya provinsi dengan angka kemiskinan yang terus meningkat selepas tahun 2000. Hal ini disebabkan terjadinya konflik Aceh yang memasuki fasa baru yang telah mengubah Aceh menjadi salah sebuah provinsi termiskin di Indonesia.

**Rajah 1.1**  
**Angka kemiskinan yang terus meningkat di provinsi Aceh**



Sumber: Susenas, 2004

Berdasarkan laporan Bank Dunia, berakhirnya aktiviti pemulihan dan pembangunan semula Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi (BRR) Aceh-Nias pada akhir April 2009 ternyata membawa impak buruk terhadap prestasi pertumbuhan


ekonomi provinsi Aceh. Penerbitan Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi sebenar daerah Aceh pada tahun 2008, baik daripada sumber minyak dan gas asli mahupun bukan minyak dan gas, menurun secara mendadak akibat semakin berkurangnya aktiviti pemulihan dan pembangunan semula. Tanpa usaha minyak dan gas, ekonomi daerah ini hanya tumbuh 1.89 peratus (berbanding dengan pertumbuhan di peringkat pusat yang mencapai lebih daripada 6 peratus), lebih rendah berbanding tahun 2007 yang pertumbuhannya adalah 7.02 peratus. Namun demikian, jika termasuk usaha minyak dan gas, pertumbuhan ekonomi Aceh semakin suram. Pada tahun 2008, pertumbuhan ekonomi dengan minyak dan gas mengalami penurunan luar biasa, iaitu berkurang sebanyak 8.32 peratus, sementara pada tahun 2007, ia berkurang sebanyak 2.50 peratus. Hal ini bermakna bahawa sumbangan industri pelombongan (minyak dan gas) tidak dapat dipercayai lagi untuk menopang ekonomi daerah ini ke depan, kecuali, jika ada kawasan minyak dan gas baru yang dapat dieksplorasi (Bank Dunia, 2006).

Berkurangnya aktiviti pemulihan dan pembangunan semula pada tahun 2008 menyebabkan pertumbuhan sektor pembinaan menurun sebanyak 0.85 peratus daripada 13.93 peratus pada tahun sebelumnya (Bank Dunia, 2008). Sektor pengangkutan dan komunikasi juga turut terkesan dengan peningkatan yang sedikit, iaitu 1.38 peratus pada tahun 2008, berbanding dengan peningkatan tahun sebelumnya iaitu 10.95 peratus. Hal ini membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi Aceh sangat bergantung pada aktiviti pemulihan dan pembangunan semula tersebut.

Tingkat pertumbuhan ekonomi Aceh juga tercatat cukup lambat dan tidak stabil. Keadaan inilah yang menyebabkan paras kemiskinan yang tinggi di Aceh. Tanpa mengambil kira sektor minyak dan gas daripada sumber pendapatan daerah, PDB Aceh per kapita adalah Rp 11 juta (sekitar US \$1,000), iaitu hampir sama

dengan jumlah purata di peringkat nasional Indonesia pada tahun 2006. Hal tersebut berkait rapat dengan angka kemiskinan di Aceh yang merupakan salah satu daerah dengan angka kemiskinan tertinggi di Indonesia, iaitu 23.5 peratus pada tahun 2008 (Bank Dunia, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi sesebuah daerah tidak menggambarkan keadaan ekonomi seluruh lapisan masyarakat sebagaimana yang berlaku di Aceh. Pertumbuhan ekonomi Aceh sangat bergantung pada industri perlombongan mineral, padahal secara ekonomi industri tersebut tidak banyak membawa pengaruh kepada masyarakat miskin untuk dapat meningkatkan tahap kehidupan ekonomi mereka.

**Rajah 1.2**  
**PDB per kapita dan tingkat kemiskinan di kabupaten penghasil minyak dan gas, tahun 2004**



Sumber: Bank Dunia: *Kajian Kemiskinan di Aceh Tahun 2008. Dampak Konflik, Tsunami, Dan Rekonstruksi Terhadap Kemiskinan di Aceh*, Bank Dunia. 2008. hal. 36.

Pada masa sumber minyak dan gas yang semakin berkurangan dengan cepat dan proses pemulihan dan pembangunan semula setelah bencana tsunami tidak lagi menjadi daya penggerak pertumbuhan ekonomi Aceh, maka pihak swasta perlu

memainkan peranan sebagai penggerak pertumbuhan, peningkatan produktiviti, dan membangunkan semula sektor pengeluaran agar tidak lagi bergantung pada sektor minyak dan gas, di samping membantu transisi Aceh menjadi perekonomian yang modern (Bank Dunia, 2008).

Pertanian merupakan lapangan kerja yang utama di provinsi Aceh, yang menyerap lebih daripada 50 peratus dari angkatan kerjanya. Namun demikian, seiring dengan modenisasi di Aceh, peluang kerja dalam sektor pertanian mungkin akan terus berkurangan dan menyamai jumlah di peringkat nasional Indonesia (sekitar 41 peratus) (Bank Dunia, 2006). Oleh itu, sektor-sektor perkhidmatan dan pembuatan harus menjadi penggerak dalam menjana peluang pekerjaan.

Industri kecil dan sederhana selain pertanian merupakan strategi utama masyarakat Aceh untuk melepaskan diri daripada kemiskinan akibat daripada bencana tsunami (Bank Dunia, 2008). Hal ini sesuai dengan langkah utama untuk melepaskan diri dari kemiskinan yang terdapat di Indonesia sejak tahun 1980-an dan 1990-an (Bank Dunia, 2006). Antara langkah tersebut adalah: transisi masyarakat dari pedesaan ke perkotaan dan penciptaan lapangan kerja selain di sektor pertanian.

Berkaitan dengan penciptaan usaha-usaha lain yang dapat mewujudkan sumber-sumber ekonomi baru bagi masyarakat Aceh, industri pelancongan boleh menjadi suatu alternatif yang dapat dikembangkan, tambahan pula ia merupakan suatu industri yang berkembang maju. Industri pelancongan dunia terus tumbuh tanpa gangguan, ketibaan pelancong antarabangsa telah meningkat daripada 25 juta di seluruh dunia pada tahun 1950, kepada 278 juta pada tahun 1980, 527 juta pada tahun 1995, dan 1133 juta pada tahun 2014. Begitu juga, penerimaan hasil pelancongan antarabangsa yang diterima oleh destinasi pelancongan di seluruh dunia telah melonjak daripada USD 2 bilion pada tahun 1950 kepada USD 104 bilion pada

tahun 1980, USD 415 bilion pada tahun 1995 dan USD 1245 bilion pada tahun 2014 (*World Tourism Organization, 2015*). Peningkatan kedatangan pelancong ini disokong oleh faktor kestabilan politik dan ekonomi dunia, peningkatan taraf hidup dan pendapatan masyarakat serta penawaran produk-produk pelancongan yang baru. Perkembangan industri yang memberangsangkan ini menyebabkan kebanyakan negara membangunkan pelancongan secara serius kerana kemampuannya menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Industri pelancongan sebagai alternatif peningkatan pendapatan daerah mahupun nasional (bahkan sebahagian daerah di Indonesia menjadikan industri pelancongan sebagai sumber pendapatan unggulan daerah) belum dibangunkan secara serius serta maksimum oleh kerajaan Aceh khususnya dan majoriti pemerintah kabupaten/kota di Aceh pada umumnya. Hakikatnya, terdapat banyak potensi pelancongan di Provinsi Aceh yang boleh dikembangkan menjadi suatu destinasi pelancongan yang mampu mendorong pertumbuhan ekonomi Aceh.

Kabupaten/kota di Aceh pun dilihat belum membangunkan sektor yang memberi sumbangan besar bagi pendapatan nasional secara optimum. Malah di antaranya belum memiliki rencana induk pembangunan pelancongan (Rippda) kabupaten/kota sebagaimana yang tertera dalam fasal 8 UU. No 10 tahun 2009 tentang Pelancongan.

Aceh sendiri memiliki potensi pelancongan yang sangat menarik yang disokong oleh pelbagai kekayaan sumberjaya alam dan seni budaya daerah. Kedudukannya yang sangat strategik dan berada di kawasan Selat Melaka yang merupakan salah satu laluan perkapalan antarabangsa seharusnya membuka peluang

bagi Aceh untuk menyokong pengembangan pelancongan unggul antarabangsa di kawasan paling barat di Indonesia.

Di Aceh, banyak kawasan pelancongan ditutup oleh komuniti tempatan yang tidak bersetuju tempat-tempat tertentu di kawasan mereka dijadikan destinasi pelancongan. Seperti yang terjadi di Kabupaten Bireuen<sup>1</sup> dan Aceh Utara<sup>2</sup>, komuniti tempatan menutup lokasi pelancongan kerana dinilai terdapat perbuatan yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai sosiobudaya dan agama komuniti tempatan. Justeru, penutupan lokasi pelancongan tersebut telah menjejaskan mata pencarian ahli komuniti tempatan yang terlibat dalam industri pelancongan di kawasan tersebut.

Bagi memastikan industri pelancongan mampu memberikan pulangan/manfaat kepada semua pihak sepanjang masa, satu perancangan yang komprehensif dan bersepadu perlu dilakukan. Perancangan yang baik adalah mengambil kira semua aspek yang terlibat sebelum melaksanakan pembangunan. Selain itu, perlu mengenalpasti isu-isu yang akan timbul akibat daripada pembangunan yang dilaksanakan dengan merangka beberapa cadangan yang sesuai bagi mengatasi permasalahan tersebut. Hal ini bertujuan memastikan bahawa sesuatu pembangunan yang dilakukan dapat bertahan dalam tempoh yang lama dan menyumbang kesan-kesan positif secara berterusan kepada semua pihak. Dalam kata lain, pembangunan pelancongan perlulah berteraskan kepada konsep pembangunan lestari.

Di Aceh, pembangunan lestari ini menjadi penting terutama apabila dikaitkan dengan keadaan sosial dan ekonomi masyarakat Aceh yang telah musnah akibat konflik dan bencana tsunami pada tahun 2004.

---

<sup>1</sup> Serambinews.com: Pantai Rekreasi Kuala Jangka Ditutup Sementara, 13 hari bulan Januari 2010.

<sup>2</sup> Serambinews.com: Pantai Ulee Rubek Ditutup, 25 hari bulan November 2010.



Berkaitan dengan pembangunan potensi pelancongan di Aceh, proses pemulihan dan pembangunan semula Aceh setelah gempa dan tsunami serta adanya Nota Kesefahaman Perdamaian di antara Kerajaan RI dengan GAM pada tanggal 15 Ogos 2005 merupakan detik penting dan strategik dalam rangka mempercepat Pembangunan Semula Aceh.

Dalam Nota Kesefahaman Perdamaian antara Kerajaan RI dan GAM yang dirumuskan dalam UU No. 11 Tahun 2006 juga disebutkan bahawa "... Aceh dapat menjalankan perdagangan dan pelaburan secara internal dan internasional sesuai dengan undang-undang. Selanjutnya, Kerajaan Aceh dan Pemerintah kabupaten/kota sesuai dengan tugasnya dapat menarik pelancong asing dan memberikan izin yang terkait dengan pelaburan dalam bentuk penanaman modal asing, eksport dan import dengan memperhatikan norma, standard dan prosedur yang berlaku secara nasional..." Pernyataan tersebut mengandung makna yang sangat strategik serta menyokong usaha-usaha pembangunan industri pelancongan Aceh ke depan.

Sebuah kajian mengenai pembangunan yang berteraskan kepada konsep pembangunan pelancongan yang bersesuaian dengan keadaan semulajadi dan kehidupan masyarakat Aceh perlu dilakukan kerana keperluan untuk membangunkan sumber ekonomi yang baru bagi masyarakat Aceh selain daripada bidang pertanian dengan menggunakan sumber semulajadi yang terdapat dalam wilayah Aceh.

Oleh itu, berdasarkan kepada permasalahan yang wujud, maka pengkaji merasakan bahawa suatu kajian empirik perlu dilakukan. Kesemua isu yang telah dihuraikan menjadi justifikasi asas kepada perlunya satu pengkajian terperinci dijalankan dengan memberi tumpuan kepada pengembangan usaha-usaha ekonomi baru bagi masyarakat Aceh. Untuk itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenalpasti potensi serta cabaran dalam pembangunan pelancongan di Aceh.

### **1.3 Soalan Kajian**

Secara khususnya, kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

1. Bagaimanakah persepsi komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan dari aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar?
2. Sejauh manakah pembangunan pelancongan memberi kesan terhadap aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar di wilayah Aceh?
3. Apakah potensi penyertaan komuniti tempatan dalam pembangunan pelancongan dalam wilayah Aceh?

### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk meninjau persepsi komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan dari aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar dalam kawasan kajian.
2. Untuk mengenalpasti kesan pembangunan pelancongan terhadap aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar dalam wilayah Aceh.
3. Untuk mengenalpasti potensi penyertaan komuniti dalam membangunkan pelancongan dalam kawasan kajian.

### **1.5 Skop Kajian**

Berdasarkan soalan kajian, maka penyelidikan ini memiliki skop kajian, iaitu penyelidikan ini dilakukan di dua kawasan kajian iaitu kawasan Pantai Lampuuk di

Kabupaten Aceh Besar dan kawasan Pantai Ulee Lheue di Kota Banda Aceh. Hal ini kerana keterbatasan masa dalam pelaksanaan penyelidikan ini serta persebaran responden yang begitu besar di propinsi Aceh. Selain itu, pemilihan kawasan kajian ini berdasarkan pertimbangan bahawa kedua kawasan ini berada tidak jauh dari pusat bandar Banda Aceh dan berdasarkan pemerhatian awal di lapangan terlihat ramai dikunjungi oleh pelancong. Pelancong yang datang tersebut berasal dari berbagai daerah di Aceh mahupun dari luar daerah dan memiliki latar belakang sosiobudaya yang berbeza. Hal ini terkait dengan banyak kawasan pelancongan yang ditutup oleh komuniti tempatan di Aceh, maka kawasan kajian ini dipilih kerana masih dapat dijalankan sehingga sekarang walaupun dengan kondisi yang disebutkan di atas.

Selain itu, penyelidikan ini merupakan kajian yang berasaskan kepada pandangan dan persepsi komuniti tempatan sahaja. Oleh itu, penyelidikan ini tidak dapat dijadikan sebagai gambaran dari pembangunan pelancongan di Aceh secara keseluruhan.

Terakhir, penyelidikan ini hanya mengkaji kesan pembangunan pelancongan dari aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar terhadap komuniti tempatan serta potensi penyertaan komuniti dalam pembangunan pelancongan di kawasan kajian.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan pendekatan-pendekatan dalam aspek pembangunan pelancongan terutamanya pendekatan pembangunan lestari dan penyertaan komuniti. Dapatan kajian diharapkan dapat menjadi salah satu tanda aras bagi para penyelidik agar seterusnya dapat mendalami

pendekatan penyertaan komuniti dalam pembangunan pelancongan sebagai aspek penting yang juga berkenaan untuk terwujudnya pembangunan lestari.

Berbagai kajian tentang pembangunan pelancongan telah banyak dilakukan di dunia, Indonesia termasuk juga di Aceh. Tetapi berkaitan dengan banyaknya kawasan pelancongan yang ditutup di Aceh oleh komuniti tempatan, kajian ini menjadi penting dilakukan untuk memahami bagaimana kondisi pembangunan pelancongan yang berlangsung di Aceh dan dapat diterima oleh komuniti tempatan terutamanya di kawasan kajian.

Secara praktikal, kajian ini akan berguna bagi pihak kerajaan untuk melakukan pembangunan pelancongan yang dapat memberi manfaat kepada komuniti tempatan sebagai sesuatu sumber ekonomi dan bersesuaian dengan norma dan nilai komuniti tempatan, agar tidak terjadi lagi penutupan kawasan pelancongan oleh komuniti tempatan sebagaimana yang telah terjadi sebelumnya di beberapa kawasan pelancongan di Aceh.

Kajian ini juga dilakukan pada dua kawasan yang berbeza profil penduduk dan geografisnya, sehingga kajian ini dapat membantu membentuk kefahaman yang lebih luas terhadap pembangunan pelancongan di Aceh.

## **1.7 Organisasi Tesis**

Keseluruhan kandungan kajian dalam tesis ini terdiri daripada tujuh bab. Bab 1 ialah pengenalan yang membincangkan rangka umum kajian yang meliputi pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Bab 2 mengandungi sorotan karya yang relevan dengan bidang kajian penyelidikan ini. Bab ini akan meliputi perbincangan umum mengenai pembangunan, pembangunan pelancongan, pembangunan pelancongan lestari, penyertaan komuniti dalam

pembangunan pelancongan, persepsi komuniti terhadap pembangunan pelancongan, kesan pembangunan pelancongan, dan potensi penyertaan komuniti dalam pembangunan pelancongan serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian dalam tesis ini. Bab 3 pula membincangkan mengenai latar belakang kawasan kajian termasuk gambaran umum tentang pelancongan di Aceh yang berkaitan dengan soalan-soalan dalam kajian ini.

Selanjutnya, bab 4 menerangkan rekabentuk penyelidikan yang akan digunakan bagi kajian ini yang meliputi pendekatan penyelidikan, pendekatan kajian kes, kaedah pengumpulan data, definisi operasional, penentuan responden serta analisis data.

Seterusnya, bab 5 membentangkan hasil analisis dapatan kajian mengikut objektif dan soalan kajian. Kemudian pada bab 6 membentangkan perbincangan terhadap hasil analisis data yang telah dilaksanakan, dan yang terakhir adalah bab 7 yang membentangkan kesimpulan, implikasi dan cadangan kajian lanjut.


## **1.8 Kerangka Kajian**

Pada Rajah 1.3 di bawah ini adalah langkah-langkah yang dilakukan dalam penulisan tesis ini. Diawali dengan latar belakang permasalahan dan kemudian pernyataan masalah, maka ditetapkan objektif dan soalan, serta skop kajian sebagai batasan dalam penyelidikan ini.

Adapun kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kajian kes kualitatif yang disokong dengan kaedah kuantitatif, dan pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian langsung serta dilengkapi dengan soal selidik ringkas sebagai pelengkap. Selanjutnya adalah penentuan responden yang menggunakan kaedah pensampelan bertujuan serta analisis data

menggunakan analisis kandungan. Data yang didapati kemudian dianalisis, dan dibincangkan untuk mendapatkan kesimpulan yang merupakan rumusan dapatan dari kajian ini.

**Rajah 1.3**  
**Kerangka Kajian**



## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Sorotan karya ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan kajian yang diharapkan dapat menjadi titik asas dan kendali dalam setiap langkah penulisan tesis ini. Dalam bab ini akan dibincangkan karya-karya serta kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Tujuan bab ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci tentang isu atau masalah yang berkaitan dengan pembangunan pelancongan lestari dan penyertaan komuniti di dalamnya.

#### **2.2 Tafsiran Pembangunan**

Pembangunan merupakan usaha untuk melakukan perubahan pelbagai aspek kehidupan supaya tercapai kesejahteraan masyarakat. Pelbagai paradigma mahupun teori pembangunan memiliki tujuan supaya terciptanya kesejahteraan masyarakat, akan tetapi dalam pelaksanaannya sering tidak bersesuaian dengan matlamat semula dan terkadang tidak tepat sasaran.

Todaro (1989) mengertikan pembangunan sebagai sesuatu proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan-perubahan besar dalam struktur sosial, sikap mental, dan institusi sosial. Perubahan tersebut termasuk pula percepatan pertumbuhan ekonomi, pengurangan ketidaksamaan pendapatan, dan pembasmian kemiskinan mutlak.

Pembangunan tidak hanya berkaitan dengan produksi dan distribusi barang-barang sahaja. Pembangunan juga harus dapat mewujudkan keadaan yang mana

manusia boleh untuk mengembangkan kreativitinya (Budiman, 1995). Selanjutnya juga ditambahkan oleh Todaro (1989) yang menyatakan bahawa pembangunan mempunyai nilai utama iaitu menyokong kelangsungan hidup, harga diri dan kemerdekaan dari penjajahan dan perhambaan.

Todaro (1997) juga menambahkan bahawa pengalaman pembangunan telah menunjukkan bahawa banyak terdapat pertumbuhan ekonomi di negara dunia ketiga yang tinggi tetapi tidak dapat meningkatkan taraf hidup masyarakatnya, yang memberi gambaran bahawa ada sesuatu yang salah dalam konsep pembangunan yang digunakan. Terkait hal ini, Brinkman (1995) menyatakan bahawa telah terjadi perubahan definisi dari konsep pembangunan sejak tahun 1970. Bukan pertumbuhan ekonomi sahaja yang merupakan tujuan utama pembangunan, tetapi ia juga termasuk pengurangan perbezaan pendapatan, menghilangkan kemiskinan dan peningkatan peluang pekerjaan.

Pembangunan adalah bukan modernisasi, hal ini adalah dua hal yang sangat berbeza. Apabila proses pembangunan disamakan dengan modernisasi maka akan sangat berpengaruh terhadap negara yang sedang membangun. Hal ini dinyatakan oleh Peet & Hartwick (1999) yang menyatakan bahawa proses pembangunan sering terjadi disamakan dengan proses modernisasi yang mengambil nilai budaya dari barat. Selain itu ia juga sering menyebabkan terjadinya perpecahan sosial di negara yang sedang membangun (Galtung, 1995). Modernisasi juga mendapat tentangan dari Smith & Seligson (2002) yang menyatakan bahawa konsep modernisasi yang digunakan dalam konsep pembangunan telah meminggirkan ekonomi masyarakat.



### **2.3 Pembangunan Pelancongan**

Pelancongan merupakan satu fenomena ekonomi dan sosial pada masa kini. Semenjak 1900-an, pelancongan mula berkembang yang membolehkan manusia bergerak di serata dunia bagi mengenali tempat-tempat baru yang masih belum diterokai (Sharpley & Telfer, 2002). Kini, pergerakan pelancongan di seluruh dunia adalah melebihi 662 juta orang pada tahun 1999. Di Aceh sendiri, jumlah pelancong antarabangsa yang masuk melalui pintu kedatangan di Provinsi Aceh pada bulan Mei 2015 sebanyak 2.473 orang atau mengalami peningkatan sebanyak 20,75 peratus berbanding pada bulan April 2015. Secara kumulatif pencapaian jumlah pada Januari – Mei 2015 meningkat sebanyak 12,49 peratus terhadap waktu yang sama tahun 2014 (Badan Pusat Statistik Aceh, 2015).

Menurut WTO (dalam Richardson & Fluker, 2004), pelancongan adalah aktiviti manusia yang melakukan perjalanan ke sesuatu tempat dan tinggal di luar persekitaran mereka dalam tempoh tidak melebihi satu tahun untuk bercuti, berniaga dan tujuan lain. Selanjutnya MacIntosh, Goeldner & Ritcjie (1995) mendefinisikan pelancongan sebagai industri yang terdiri daripada empat aspek penting yang saling melengkapi, iaitu 1) pelancong, 2) bisnes jasa yang menyediakan keperluan pelancong, 3) kerajaan tempatan, dan 4) komuniti tempatan sebagai tuan rumah/hos.

Pelancongan bukanlah satu fenomena sosial malah merupakan satu perniagaan yang besar. Pelancong yang mengunjungi sesebuah destinasi memerlukan pelbagai kemudahan, barangan dan perkhidmatan serta menikmati produk yang ditawarkan. Oleh itu, pelancongan menggalakkan penyertaan pelbagai organisasi dan syarikat untuk menjalankan perniagaan dalam bidang penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, infrastruktur, perkhidmatan dan sebagainya.

Akibat daripada perkembangan pesat pelancongan, kebanyakan negara merangka beberapa strategi yang bersesuaian bagi menggalakkan perkembangan industri ini serta memperoleh manfaat yang disumbangkannya (Pearce, 1989). Oleh yang demikian, rancangan pembangunan disediakan dengan memasukkan pelancongan sebagai salah satu kandungannya (Sharpley & Tefler, 2002).

Beberapa penulis memberikan definisi tertentu berkaitan perancangan pelancongan. Getz (1987) mengemukakan definisi perancangan pelancongan sebagai satu proses berasaskan kepada penyelidikan dan penilaian berterusan yang mengoptimakan kepuasan pelancong tanpa mengabaikan kualiti alam sekitar dan juga kebajikan penduduk setempatnya. Selanjutnya Inskeep (1991) juga menggariskan beberapa alasan tentang keperluan perancangan pelancongan seperti pada Jadual 2.1.

### **Jadual 2.1** **Keperluan Perancangan Pelancongan**

- 
- 1) pelancongan merupakan kegiatan baru di beberapa kawasan, dan kebanyakan agensi kerajaan dan swasta tidak mempunyai ilmu dan pengalaman dalam menggerakkan industri ini
  - 2) pelancongan merupakan industri yang amat sensitif dengan perubahan persekitaran kerana mempunyai perkaitan yang kuat dengan sektor-sektor lain, maka perancangan dan pembangunan yang bersepadu diperlukan
  - 3) pelancongan ibarat menjual produk kepada pelancong, maka harus dipastikan agar ia dapat dijual dan tidak menjejaskan matlamat ekonomi, sosial dan alam sekitar
  - 4) memastikan pelancongan tetap menyumbang kesan positif terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar dan menghindari kesan negatif
  - 5) sumberjaya sedia ada amat terhad bagi memenuhi permintaan pelancong
  - 6) pembangunan pelancongan melibatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta aktiviti pelancong menyumbang kesan terhadap alam sekitar
  - 7) memastikan sumber semulajadi pelancongan dikekalkan buat selamanya dan tidak musnah akibat proses pembangunan
  - 8) keperluan untuk merancang pembangunan destinasi pelancongan baru yang lebih fleksibel mengikut perubahan masa
  - 9) keperluan penggunaan tenaga buruh yang terlatih dengan ilmu dan kemahiran amat diperlukan bagi menggerakkan pelancongan
  - 10) dalam usaha memastikan pembangunan pelancongan mengikut jadual dan mencapai penggunaan sumber dan kos yang optimum, maka satu organisasi perlu diwujudkan
  - 11) perlunya suatu perancangan yang teratur untuk membantu pihak kerajaan dan swasta membuat keputusan yang tepat terhadap pelaburan yang dilakukan
  - 12) perancangan yang efisien memberikan kepuasan kepada pelancong terhadap percutian yang dilakukan dari segi perbelanjaan, tujuan dan perkhidmatan yang diperoleh, yang secara tidak langsung akan memberikan kesan jangka panjang terhadap sesebuah destinasi pelancongan
  - 13) pelancongan dilihat sebagai pemangkin kepada pembangunan luar bandar, dan
  - 14) pelancongan merupakan industri yang semakin berkembang dan menyumbang pulangan yang baik kepada kerajaan, justeru diperlukan perancangan yang komprehensif agar dapat merangka beberapa dasar dan strategi untuk menggalakkan perkembangan sektor ini.
- 

Sumber: Inskeep (1991)

Oleh itu, kajian tentang pelancongan penting dilakukan bagi memastikan industri ini menyumbang pelbagai manfaat kepada masyarakat dan persekitaran. Walau bagaimanapun, seperti sektor ekonomi lain, industri pelancongan juga mendatangkan kesan negatif terutamanya terhadap alam sekitar dan sosial. Bagi memastikan pelancongan mampu menyumbang manfaat secara berterusan, beberapa pendekatan disyorkan bagi merancang pelancongan. Inskeep (1991), mengesyorkan pendekatan perancangan pelancongan seperti Jadual 2.2 berikut ini:

### **Jadual 2.2** **Pendekatan Perancangan Pelancongan**

---

1) Pendekatan berterusan, bertambah dan boleh ubah; Perancangan pelancongan di setiap peringkat (negara, wilayah, tempatan) merupakan proses yang berterusan dan fleksibel berdasarkan maklum balas dan pemantauan dengan mengekalkan objektif asas dan dasar pembangunan pelancongan

2) Pendekatan sistem; Pelancongan dianggap sistem yang berkaitan di antara satu dengan lain dan perlu dirancang menggunakan teknik analisis

3) Pendekatan komprehensif; Semua elemen dalam pelancongan meliputi institusi, alam sekitar dan implikasi sosioekonomi perlu dirancang dan dianalisis secara komprehensif

4) Pendekatan bersepadu; Pelancongan dirancang dan dibangunkan secara bersepadu dengan melibatkan semua rancangan pembangunan serta diterapkan dalam pembangunan fizikal keseluruhan kawasan

5) Pendekatan pembangunan lestari dan persekitaran; Pelancongan perlu dirancang, dimaju dan diuruskan dengan baik supaya tidak menyumbang kesan negatif terhadap sumberjaya semula jadi dan warisan budaya. Hal ini perlu demi kebaikan generasi masa depan. Had daya tampungan merupakan salah satu teknik yang digunakan bagi mencapai pembangunan lestari

6) Pendekatan komuniti; Menggalakkan penyertaan penduduk tempatan dalam proses perancangan pelancongan seperti terlibat dalam membuat keputusan. Penyertaan secara menyeluruh penting bagi memastikan perancangan dan pengurusan destinasi dapat dilakukan dengan baik serta menyumbang kepada peningkatan taraf sosioekonomi

7) Pendekatan boleh laksana; Dasar, rancangan dan cadangan pembangunan pelancongan perlu realistik dan boleh dilaksanakan. Dasar dan rancangan yang telah dibentuk perlulah dilaksanakan menggunakan teknik-teknik yang sesuai seperti strategi, program dan tindakan, dan

8) Penggunaan proses perancangan yang sistematik; Perancangan yang sistematik berdasarkan kepada urutan aktiviti yang logik.

---

Sumber: Inskeep (1991)

Dalam konteks kajian ini, tiga pendekatan perancangan pelancongan yang bersesuaian dan berkaitan dengan penyelidikan ini adalah: i) pendekatan komprehensif (implikasi sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar), ii) pendekatan pembangunan lestari dan persekitaran, serta iii) pendekatan komuniti.

## 2.4 Pembangunan Pelancongan Lestari

Istilah pembangunan lestari pertama kali muncul pada tahun 1980 dalam *World Conservation Strategy* daripada *the International Union for the Conservation of Nature (IUCN)*, lalu pada tahun 1981 digunakan oleh Lester R. Brown dalam buku *Building a Sustainable Society* (Keraf, 2002). Istilah tersebut kemudian menjadi sangat popular pada tahun 1987, apabila *World Commission on Environment and Development* atau dikenal sebagai *Brundtland Commission* menerbitkan buku berjudul *Our Common Future*. Selanjutnya pada tahun 1992 di Konferensi Tingkat Tinggi (KTT) Bumi di Rio de Janeiro, Brasil, paradigma pembangunan lestari akhirnya diterima sebagai sebuah agenda politik pembangunan untuk semua negara di dunia (Keraf, 2002).

Dalam konteks pengertian ini, ia merangkumi 'pengawalan mutu persekitaran ekologi', 'kestabilan dan keadilan sosial' di samping 'pembangunan ekonomi' untuk memenuhi keperluan masa hadapan (*World Commission on Environment and Development*, 1987). Kelestarian ekonomi dan sosial sebagai keupayaan mengekalkan pembangunan untuk meningkatkan kebajikan penduduk. Dengan mengambil kira hal ini, pembangunan lestari juga ditakrifkan sebagai pola transformasi sosial dan ekonomi yang mengoptimumkan faedah ekonomi dan sosial masa kini tanpa menjejaskan faedah yang sama untuk masa hadapan (Goodland & Ledoc, 1987).

Kemudian definisi pertama pelancongan lestari telah dinyatakan oleh Organisasi Pelancongan Dunia PBB (UNWTO) pada tahun 1996: "pelancongan yang mengarah ke pengelolaan semua bidang, sedemikian rupa, sehingga kebutuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang dipenuhi dengan integrasi budaya, proses ekologi, keanekaragaman hayati dan mendukung pengembangan masyarakat". Selain

itu dengan mengacu pada konsep pembangunan lestari, UNWTO mengatakan bahawa pelancongan lestari juga sebuah proses yang "memperhitungkan keperluan pelancong sekarang dan generasi mendatang" (Fennel, 2003 dipetik Janusz & Bajdor, 2013).

Kelestarian sebenarnya telah menjadi konsep praktis yang dianggap bermanfaat bagi kemajuan pengembangan pelancongan (Chen, 2014). Pelancongan lestari tidak hanya bererti perlindungan alam sekitar, tetapi juga mencakupi keadaan kehidupan kawasan terdekat bersama-sama dengan dimensi sosial dan ekonomi dari kawasan pelancongan (Janusz & Bajdor, 2013).

Pelancongan lestari menjurus kepada pelancongan yang meminimumkan kesan negatif dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Menurut Jamieson & Noble (2000), pelancongan lestari mampu memaksimumkan sumber persekitaran sambil mengawal proses ekologi dan memulihara kepelbagaian biologi serta khazanah semula jadi, menghormati ciri-ciri autentik komuniti asal, memelihara warisan kebudayaan dan nilai tradisional serta menerapkan toleransi antara budaya. Pelaksanaannya dalam jangka panjang memberi peluang pekerjaan, menghapus kemiskinan dan mengurangkan ketaksamaan sosial serta meningkatkan perkhidmatan sosial kepada komuniti asal. Jamieson & Noble juga menyatakan beberapa prinsip utama pelancongan lestari (lihat Jadual 2.3).

Lindberg & Johnson (1997) menyatakan bahawa pembangunan pelancongan lestari termasuk di dalamnya mengurangkan kos dan meningkatkan keuntungan pada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar, serta penyertaan komuniti. Selanjutnya Mowforth & Munt (1998) mengemukakan bahawa pembangunan pelancongan lestari merupakan bahagian integral daripada kegiatan pelancongan yang bertanggungjawab